

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Suruhanjaya Pilihan Raya telah ditambah baik untuk menjadikannya lebih efisien, lebih inklusif, dan juga benar-benar bebas sebagai sebuah institusi untuk memastikan terdapatnya pilihan raya yang adil dan bebas di negara kita.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) merupakan sebuah Suruhanjaya yang bebas, yang mana keputusannya berlandaskan kerangka undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan pula menyatakan bahawa pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli SPR adalah di bawah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-raja dan ini telah menunjukkan kebebasan SPR dalam melaksanakan urusan pilihan raya tanpa dicampuri oleh mana-mana pihak.

NO. SOALAN : 33

Semua warganegara yang memenuhi syarat kelayakan boleh mengambil bahagian secara inklusif dalam pilihan raya di negara ini. Hal ini adalah kerana semua warganegara yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dibawah Perkara 119 boleh mengambil bahagian dalam pilihan raya sebagai pemilih. Selain itu, warganegara yang memenuhi syarat kelayakan seperti yang ditetapkan dalam Perkara 47 dan 48 Perlembagaan Persekutuan boleh mengambil bahagian sebagai calon dalam pilihan raya.

Kebebasan, kecekapan dan keadilan dalam menguruskan pilihan raya di negara kita boleh dilihat di pelbagai peringkat bermula dengan proses penamaan calon, proses pengundian, pengiraan sehingga pengisytiharan keputusan pilihan raya. Mereka yang tidak berpuas hati boleh mengemukakan petisyen pilihan raya dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan pilihan raya itu disiarkan dalam Warta berdasarkan Seksyen 38 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Mahkamah Tinggi mempunyai masa untuk menyelesaikan perbicaraan petisyen pilihan raya adalah tidak lewat daripada 6 bulan dari tarikh petisyen pilihan raya itu dikemukakan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 35A Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Seksyen 36B pula memperuntukkan sesuatu rayuan terhadap keputusan seorang Hakim Pilihan Raya hendaklah didengar dan diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam masa 6 bulan dari tarikh rayuan itu dikemukakan.

Sekian, terima kasih.